



### Ahli Nujum atau Tukang Tilik

A. Yusuf bin Usman, “Modern Bookstore”,

9 Bras Basah Road, Singapura, bertanya:

Apa sebabnya melihat diri seseorang itu dengan jalan ilmu *Falakiyyah* (maksudnya melihat nasib melalui ahli nujum – A.M.) itu dilarang dan diharamkan oleh agama Islam? Padahal boleh dikatakan bahawa apa-apa yang dikeluarkan oleh seorang ahli nujum itu biasanya betul tidak kurang dari 60 peratus atau sampai 70 peratus.

Sebagaimana yang diketahui, kata A. Yusuf lagi, seseorang ahli nujum atau profesor Astrologi itu melihat hidup seseorang itu (maksudnya: Untung nasibnya – A.M.) dari tarikh hari jadinya dan kemudian dikatakannya bahawa orang itu bintangnya ialah satu dari bintang-bintang dua belas seperti Venus, Jupiter, Mercury dan lain-lainnya. Sekarang tentulah tuan bersetuju jika saya berkata, bahawa tiap-tiap bintang ini dan lain-lain juga yang ada di antara bumi dengan langit adalah dijadikan oleh Allah *subhānahu wa ta’ālā*, dan tiap-tiap bintang yang dua belas itu ada dengan tabiatnya sendiri yang diberi oleh Allah Ta’ālā. Jadi apabila hidupnya seseorang itu dipengaruhi oleh bintang maka dia adalah beriktikad bahawa kuasa itu datangnya daripada Allah

juga. Dia tetap tidak bertuhankan bintang yang tersebut.

Oleh itu saya ingin mendapat penjelasan apa sebabnya dilarang atau diharamkan oleh agama Islam? Adakah agaknya bertentangan dengan apa yang dibaca oleh seseorang Muslim di dalam sembahyang: “Bahawasanya sembahyang dan amalku, hidup dan matiku, semuanya bagi Allah *Rabb al-‘Ālamīn*”?

### Jawab:

Melihat baik atau buruknya nasib kita yang akan datang kepada seorang ahli nujum atau tukang tilik ataupun “profesor Astrologi” sememangnya haram sebagaimana yang diakui oleh A. Yusuf sendiri, kerana karutnya dan bohongnya keterangan-keterangan yang biasa diberikan oleh ahli nujum itu.

Seyogianya disedari, soal mengetahui untung nasib kita yang akan datang adalah termasuk dalam perkara-perkara yang ghaib, sedang perkara-perkara yang ghaib itu tidak akan dapat diketahui oleh manusia atau jin syaitan, hatta nabi-nabi dan rasul sekalipun. Yang mengetahuinya hanya Allah *‘azza wa jalla*.

Sila perhati dan fahamkan baik-baik apa yang dijelaskan oleh *al-Qur’ān al-Karīm* mengenai soal ini.

Firman Allah Ta’ālā:

**“*Qul lā ya’lamu man fī al-samāwāti wa al-arḍi al-ghayba illā Allāh*”**

“Katalah olehmu – hai Muḥammad – tidak ada siapa-siapa, baik di tujuh petala langit atau di bumi yang mengetahui akan perkara-perkara ghaib melainkan Allah.”

Firman-Nya lagi:

**"Qul lā amlīku li nafsī naf'ān wa lā ḍarrān illā mā shā'a Allāh, wa law kuntu a'lamu al-ghayba la stakhartu mina al-khayri wa ma massaniya al-sū'u, in ana illā nadhīrun wa bashīrun li qawmin yu'minūn."**

"Katalah olehmu – hai Muḥammad – aku tiada memiliki suatu yang mendatangkan kebajikan atau mendatangkan bahaya bagi diriku melainkan apa yang dikehendaki Allah, dan kalaulah aku mengetahui perkara-perkara yang ghaib nescaya aku akan memperbanyak (mengumpul sebanyak-banyaknya) segala yang baik dan tidaklah aku akan disentuh bahaya. Aku hanyalah seorang yang menyampaikan amaran dan menyampaikan berita yang menggembirakan bagi orang-orang yang beriman".

Dan firman-Nya lagi menceritakan perihal Nabī

Nūh *alayhi al-salām*:

**"Wa lā aqūlu lakum 'indī khazā'inu Allāhi, wa lā a'lamu al-ghayba wa lā aqūlu innī malak"** .

"Dan aku (Nūh) tidak mengatakan kepada kamu (bahawa) di sisiku ada perbendaharaan Allah, dan aku tidak (mendakwa) mengetahui akan perkara-perkara ghaib, dan tidak pula mengatakan bahawa aku ini malaikat."

Firman-Nya lagi mengenai jin dan perkara-perkara ghaib:

**"Fa lammā qaḍaynā 'alayhi al-mawta mā dallahum 'alā mawtihī illā dābbatu al-arḍi ta'kulu minsa'ātahu, fa lammā kharra tabayyanati al-jinnu an laww kānū ya'lamūna al-ghayba mā labithū fī al-'azābi al-muhīn."**

"Maka tatkala kami (Allah) tetapkan ia mati (Nabī Sulaymān), tiadalah (sesuatu) yang menunjukkan kepada mereka akan kematiannya melainkan ulat bumi yang memakan tongkatnya, maka apabila ia jatuh (dari kerusinya)

ternyata bagi jin, bahawa kalaulah mereka mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tentulah mereka tidak akan tinggal sekian lama di dalam azab yang menghina (penderitaan kerja berat yang bertahun-tahun untuk mendirikan bangunan yang diperintahkan oleh Nabi Sulaymān)."

Keempat-empat ayat suci yang tersebut dengan tegas menyatakan bahawa perkara-perkara yang ghaib itu tidak ada siapa-siapa yang dapat mengetahuinya selain daripada Allah 'azza wa jalla.

Jadi dakwaan ahli nujum yang kononnya dapat mengetahui nasib seseorang yang akan datang, nyatalah dustanya, didustakan oleh Allah 'azza wa jalla di dalam *al-Qur 'ān al-Karīm*

Inilah sebabnya telahan ahli nujum itu diharamkan

Kitab-kitab Mengenai Sembahyang	
1. Ibadat Rasulullah (SAW)	\$3.00
tambah belanja <i>post</i> 20 sen.	
2. Pelajaran Sembahyang ( <i>Allāhu akbar</i> )	\$1.20
3. Pelajaran Sembahyang ( <i>Allāhu akbar</i> ) mengenai Imam, Makmum, <i>Masbūq</i> dan lain-lainnya.	\$1.20
4. Mari Sembahyang (Buat Lelaki)	\$1.20
dari 2, 3, 4 dan 5 pesanan hendaklah	
5. " " (Buat perempuan)	\$1.20
tambah belanja <i>post</i> 10 sen tiap-tiap naskhah.	
Inilah diantara buku-buku pelajaran agama yang mudah sekali dipelajari.	

oleh Islam.

Haramnya pula ada dua tingkatan. Ada kalanya boleh menjadi kufur, tetapi ada kalanya hanya tertolak amal ibadatnya selama 40 malam, sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah di dalam beberapa hadisnya:

Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Muslim daripada Abū Hurayrah *radīya Allāhu ‘anh*, bahawa Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* bersabda:

*Man atā kāhinan aw ‘arāfan fa ṣaddaqahu bimā yaqūlu faqad kafara bimā unzila ‘alā Muḥammad.* (Barangsiapa mendatangi seorang ahli nujum atau tukang tilik, lalu ia percayakan kata-katanya, maka sesungguhnya ia telah kufur akan apa yang telah diturunkan kepada Muḥammad).

Dalam suatu hadis yang lain, yang diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī, ada pula tambahan yang demikian maksudnya: “Dan barangsiapa yang pergi mendapatkan ahli nujum atau tukang tilik tetapi dia tidak percaya akan apa yang dikatakannya (maka tidaklah ia dikira menjadi kafir tetapi) tidak diterima sembahyangnya selama 40 malam.”

Dalam suatu hadis yang lain, Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* bersabda: (Ertinya): “Barangsiapa pergi mendapatkan seorang ahli nujum lalu bertanya kepadanya (tentang untung nasib yang akan datang), nescaya akan terdindinglah (tidak diterima) taubatnya selama empat puluh malam, kalau pula ia percaya akan apa yang dikatakan oleh ahli nujum itu nescaya akan kafirlah ia.”

Hukuman ini sesungguhnya berat, tetapi sepadan dengan bahaya yang ditimbulkan oleh ahli-ahli nujum. Bukan sedikit rumahtangga dan keluarga yang berpecah belah kerana angkara ahli nujum dan tukang tilik yang semata-mata berdusta itu.

Ilmu nujum bukan ilmu falak (sebagaimana yang disangka oleh tuan yang bertanya). Ilmu falak (astronomi) memang digalakkan oleh Islam supaya dipelajari, kerana ada faedahnya, sekurang-kurangnya untuk mengetahui waktu sembahyang dan puasa.

Pendeknya ilmu nujum tidak syak tentang dustanya dan karutnya sebagaimana yang dijelaskan oleh Islam, iaitu suatu ilmu sesat yang berasaskan khurafat bangsa Greek tua penyembah dewa-dewa yang terdiri daripada bintang-bintang. Sekiranya tuan boleh memeriksa di dalam kitab-kitab kamus, misalnya “al-Qāmūs al-‘Aṣrī” atau “Qāmūs al-Jayb” (Inggeris - Arab), keluaran Mesir, nescaya tuan akan dapati keterangannya seperti berikut:

**Astrologi: ‘*Ilm al-tanjīm. Tadjīl.* (Ilmu nujum.**

**Kekarutan atau kedustaan orang dajal)**

***Astrologer. Munajjam. Dajjāl.* (Ahli Nujum atau**

**Tukang Tilik. Dajal)**

Demikian penjelasan kami – Abu al-Mokhtar.

14. Budi	\$1.00
15. Seruan Kita Penggal 1	0.30
16. ” ” ” 2	0.30
17. Perempaan <sup>1</sup> Dalam Pilihanraya	0.40
18. Wakil Rakyat dalam Islam	0.70
19. Undang-undang Dasar Islam	
di Pakistan	0.30
20. Pendidikan	1.00
21. Akhlak	1.20

**Segala pesanan tolonglah sertakan dengan wang belanja *post* mengirimbkannya.**

<sup>1</sup> kesilapan ejaan, sebetulnya ‘perempuan’